



PERSATUAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA
No. 70X, Jalan Keramat Hujung, Bukit Keramat, 54000 Kuala Lumpur
No Tel: 03-4256 6618 Faks: 03-4256 6617 Hotline: 019-359 10000
Laman Web: www.ppim.org.my Blog: www.ppim4u.blogspot.com

17 Mei 2021

BERSAMA KITA BERSATU BOIKOT PRODUK TERPILIH ISRAEL



Sejak berdekad lalu rakyat Palestin telah mengalami opresi oleh rejim Zionis Israel dengan pencerobohan semua hak-hak kemanusiaan dan melakukan jenayah perang yang tidak terkira.

Kita boleh membantu rakyat Palestin dengan memperhebatkan usaha memutuskan sokongan ekonomi dan propaganda rasmi yang menghalalkan dan mendanai jenayah perang dan terhadap kemanusiaan.

Bagi memutuskan rantai sokongan ekonomi ini, kita perlu mendedahkan penglibatan badan-badan korporat yang besar yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menyokong usaha Zionis Israel, melalui sumber-sumber yang ada dan usaha semampu kita.

Bantuan kewangan dan sumbangan derma adalah penting demi kesinambungan Palestin dan rakyatnya. Hurlurkan sumbangan kepada mana-mana NGO yang terlibat dalam Gerakan ini atau melalui Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) di **Sumbangan.com**. Semua sumbangan akan disalurkan 100% kepada Palestin tanpa sebarang caj.

BOIKOT PRODUK SELAMA 6 Bulan

Syarikat : Syarikat Coca-Cola

Jenama : Cola-Cola/COKE



- Pada tahun 2009, syarikat Coca-Cola menaja anugerah yang diberikan kepada AIPAC di atas usaha mempengaruhi Senat untuk menolak keputusan “**gencatan senjata segera**” PBB dan meluluskan serangan ketenteraan Israel terhadap Gaza.
- The Central Bottling Company-CBC(Coca-Cola Israel)- mengendalikan salah satu fasiliti pembotolan terbesar dunia dan berkembang menjadi sekumpulan syarikat yang menguasai 40% daripada pasaran air minuman Israel dan mempunyai monopoli yang jelas dalam sektor Coke tempatan.
- CBC mempunyai kilang Coca-Cola di penempatan haram ATAROT.yang dibina di atas tanah yang dirampas dari rakyat Palestin dan menyalahi undang-undang antarabangsa.
- Memiliki ladang-ladang tenusu di kawasan penempatan haram di Shadmot Mecola,Lembah Jordan dan sebuah loji di zon industri Katzerin di Bukit Golan.
- Warren Buffet: Pemegang saham terbesar juga pemilik Berkshire Hathaway mempunyai 80% saham dalam konglomerat Israel Metalworks, ISCAR

Syarikat : PUMA

Jenama : Semua Produk PUMA



- Penaja tunggal antarabangsa Persatuan Bolasepak Israel (IFA), penajaan PUMA memberikan hak legitimasi kepada semua tindak-tanduk IFA. IFA termasuk 6 buah kelab bolasepak telah didokumenkan oleh Pemerhati Hak Asasi Manusia sebagai kelab bolasepak yang berpusat di penempatan haram di Palestin yang telah dirampas oleh tentera Israel
- Penajaan Puma terhadap IFA telah membantu penglibatan secara langsung terhadap pelanggaran hak asasi manusia dan undang-undang antarabangsa di luar padang, membenarkan peluasan pengambilan tanah secara haram.
- Sementara ahli-ahli sukan Israel bebas bergerak ke seluruh dunia, pasukan Palestin terpaksa berdepan dengan pelbagai kenehan di pusat pemeriksaan dan rentas sempadan walaupun hanya untuk acara sukan “tempat sendiri” di luar negara. Pihak berkuasa Israel telah melarang secara berkala; menghalang pemain Palestin dari menyertai sukan antarabangsa. Pada bulan September 2004, 5 pemain telah dilarang daripada berlepas ke pusingan kelayakan Piala Dunia menentang Uzbekistan.
- Oleh kerana perlawanan tidak boleh diadakan di Palestin, pasukan itu terpaksa ke Doha, Qatar untuk permainan “tempat sendiri” dan terpaksa menghadiri sesi latihan di Ismailia, Mesir yang jauhnya 100km dari rumah pemain Gaza. Tanpa kawasan latihan yang sesuai dan keadaan liga yang digantung, kejayaan-kejayaan dalam siri-siri kelayakan preliminari, mereka tetap tidak diberikan pertimbangan

Syarikat : HEWLETT-PACKARD/HP

Jenama : Semua Produk HP



- Pembekal kepada tentera Israel sejak 2009. HP-E mempunyai kontrak dengan polis Israel dalam pengendalian pusat data menggunakan server HP.
- HP menghasilkan system ID biometric untuk mengesan dan mengawal pergerakan rakyat Palestin. ID ini dihasilkan dengan teknologi HP yang sama dengan buku pas yang dihasilkan oleh Polaroid semasa era Apartheid dan digunakan oleh kerajaan Apartheid untuk mengawal golongan kulit hitam Afrika Selatan.
- Rakyat yang berhasrat untuk memasuki Israel, keluar negara, atau ingin melakukan sebarang aktiviti yang memerlukan permit, mesti memohon kad pengenalan biometrik magnetik dari pihak berkuasa tentera Israel. Setiap kad pengenalan mempunyai maklumat biometrik, peribadi dan keselamatan. Walaupun hanya segelintir sahaja rakyat Palestin yang diberikan kad pengenalan, setiap maklumat pemohon disimpan dalam sebuah pangkalan data yang diserahkan kepada pihak berkuasa Israel.
- Sistem ini membolehkan kerajaan mengawal dan menguatkuasakan pengasingan kaum dan apartheid terhadap warga Israel Palestin Israel, dan terlibat secara langsung dalam sistem penempatan kolonial Israel melalui “Yesha database”, yang mengumpul maklumat warga Israel di penempatan haram di kawasan kependudukan di Tebing Barat Palestin.

